

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Empat

Kingdom Salomo yang Gemilang Mentampilkan Kingdom Kristus pada Zaman Milenium

Bacaan Bible: 1 Raj. 10:1-24; Mzm. 72:1-8, 11, 17-19; Wahi 11:15; 20:4, 6

- I. Kingdom Salomo yang gemilang, berserta kemakmurannya di bawah berkat yang kaya daripada Tuhan, merupakan tamsil bagi kingdom Kristus pada zaman milenium—1 Raj. 4:20—5:18:**
 - A. Bab 9 dan 10 dalam 1 Raja-raja menggambarkan kemuncak kemuliaan Salomo dalam kalangan bangsa.
 - B. Salomo dimuliakan dalam kingdom Israel dengan kegemilangan kingdomnya; inilah pralambang bagi Kristus pada zaman milenium—ay. 1-24.
- II. Pada kedatangan kedua-Nya, Kristus akan memperoleh bumi, yang telah diberikan kepada-Nya sebagai harta milik-Nya, dan akan mendirikan kingdom Tuhan di seluruh bumi, dengan itu memulihkan hak Tuhan ke atas bumi—Mzm. 24:1:**
 - A. Mazmur 24:7-10 menyingkapkan Kristus yang menang sebagai Raja yang akan datang dalam kingdom abadi Tuhan.
 - B. Yehova ialah Yesus, dan Yesus ialah Tuhan Tritunggal yang berinkarnasi, ter-salib, dan bangkit, yang kuat semasa berperang dan adalah menang—Wahi 5:5.
 - C. Dialah Yang akan kembali dalam kebangkitan-Nya bersama dengan pejayeng-Nya untuk memperoleh bumi sebagai kingdom-Nya—Dan. 2:34-35; 7:13-14; Yoel 3:11; Wahi 11:15; 19:13-14.
- III. Mazmur 72 adalah berkenaan Kristus yang meraja, ditampilkan oleh Salomo yang meraja:**
 - A. Mazmur 72 sebenarnya ialah sebuah mazmur berkenaan Raja Salomo, yang merupakan tamsil bagi Kristus sebagai Dia yang meraja—Mat. 12:42:
 1. Kristus sebagai anak Daud ialah Dia yang mewarisi takhta dan kingdom Daud—1:1; 2 Sam. 7:12-13; Luk. 1:32-33.
 2. Selepas kehidupan-Nya yang menderita di bumi, yang ditampilkan oleh penderitaan Daud, Kristus naik ke syurga; di sana Dia kini meraja sebagai Raja, yang ditampilkan oleh Salomo—1 Kor. 15:25; Wahi 17:14.
 - B. Dalam Mazmur 72, Kristus yang meraja ditampilkan oleh Salomo yang meraja (Mat. 1:1; 22:42) pada zamannya yang makmur dan berkembang maju (1 Raj. 9—10), seperti yang ditunjukkan oleh tajuk dan ayat pertama bagi mazmur ini:
 1. Mazmur 72 mewahikan pemerajaan Kristus atas bumi, dengan semua raja bersujud kepada-Nya dan semua bangsa di bumi melayan-Nya—ay. 1-8, 11.
 2. Mazmur 72 merupakan suatu gambaran mulia yang memaparkan keadaan apabila Tuan memulihkan, memperoleh, dan meraja atas seluruh bumi—ay. 17-19.
 3. Pemerajaan Kristus, ditampilkan oleh Salomo, akan berlangsung dalam kingdom milenium pada zaman restorasi—Wahi 20:4, 6; Mat. 19:28.
- IV. “Kingdom dunia telah menjadi kingdom Tuan kita dan Kristus-Nya, dan Dia akan meraja buat selama-lamanya”—Wahi 11:15:**
 - A. Kingdom Kristus ialah kingdom milenium, yang juga merupakan kingdom Tuhan—20:4, 6; Mat. 16:28; 13:41, 43.

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Empat (sambungan)

- B. Dari aspek kingdom sebagai kingdom Kristus dan Tuhan, Kristus meraja bersama dengan Tuhan; kita juga boleh mengatakan bahawa Kristus meraja sebagai Tuhan—Wahi 11:15.
 - C. Kingdom dunia akan menjadi kingdom Kristus semasa persembah-pujian-Nya selepas Dia melaksanakan penghakiman-Nya ke atas bangsa-bangsa—Dan. 7:13-14; 2:44-45.
 - D. Dalam Wahi 11:15, Tuan meraja buat selama-lamanya bererti Tuan meraja dalam kingdom milenium dan di langit baru dan bumi baru hingga keabadian—Wahi 22:5.
 - E. Semua pejayeng akan meraja bersama dengan Kristus selama seribu tahun, dan semua orang yang diselamatkan akan meraja buat selama-lamanya dalam keabadian—20:4, 6; 22:5.
- V. Selepas Tuan Yesus menanggulangi percayawan, orang Yahudi, dan bangsa-bangsa, Dia akan membawa masuk zaman milenium—kingdom Kristus dan Tuhan di bumi selama seribu tahun—20:4, 6:**
- A. Zaman milenium merujuk kepada masa selepas Kristus datang sekali lagi sebagai Raja untuk memerintah dunia dan sebelum langit baru dan bumi baru.
 - B. Semasa zaman milenium, semua bangsa akan datang kepada Kristus—Za. 14:16.
 - C. Dalam Wasiat Lama terdapat banyak ayat berkenaan kingdom milenium—Mzm. 2:6, 8-9; Yes. 2:2-5; 11:1-10; 65:20-25; Za. 8:20-23; 14:16-21.
 - D. Dalam Kisah 3:21, *masa restorasi segala sesuatu* merujuk kepada milenium:
 - 1. Restorasi ini akan mempengaruhi bukan sahaja manusia tetapi juga seluruh alam semesta—syurga-syurga, bumi, binatang, dan bahkan pokok.
 - 2. Segala sesuatu yang dilaknat menerusi kejatuhan manusia akan direstorasikan—Yes. 11:6; 30:26.
 - E. Zaman milenium masih akan digunakan oleh Tuhan sebagai zaman persiapan:
 - 1. Semasa zaman ini, Tuhan akan menyempurnakan pekudus-pekudus yang belum disempurnakan semasa zaman gereja agar mereka layak untuk masuk ke dalam Yerusalem Baru demi kingdom abadi Tuhan.
 - 2. Semasa zaman milenium, Tuhan juga akan memurnikan bangsa-bangsa yang direstorasikan untuk menjadi umat di bumi baru.
 - F. Percayawan dalam Kristus Anak Tuhan telah dilahirkan ke dalam kingdom Tuhan, dan mereka berada dalam kehidupan gereja, hidup dalam kingdom Tuhan hari ini; tetapi bukan semua percayawan, melainkan mereka yang jayeng sahaja, yang akan berbahagian dalam zaman milenium—Yoh. 3:5, 15-16; Roma 14:17; Wahi 12:10-11; 2:26-27; 3:21.
- VI. Huraian dalam Matius 16:28—17:5 merupakan miniatur bagi manifestasi kingdom syurga-syurga dalam zaman milenium:**
- A. Pusat bagi miniatur ini ialah Yesus yang dimuliakan, dan yang bersama dengan-Nya ialah Musa dan Elia yang mewakili pejayeng Wasiat Lama, serta Petrus, Yakobus, dan Yohanes yang mewakili pejayeng Wasiat Baru—ay. 1-3.
 - B. Di atas gunung bersama dengan Tuan Yesus, Petrus, Yakobus, dan Yohanes mengalami prarasa bagi manifestasi kingdom yang akan datang—16:28—17:3.
 - C. Tuan Yesus ditransfigur bermaksud bahawa keinsanan-Nya ditepui dan diresapi dengan kedivinan-Nya; transfigurasi ini ialah pemuliaan-Nya—ay. 2:
 - 1. Transfigurasi Tuan Yesus, yakni penyinaran Tuan Yesus, ialah kedatangan-Nya dalam kingdom-Nya; di mana ada transfigurasi-Nya, di situlah ada kedatangan kingdom—Mrk. 9:1-4; Luk. 9:27-31.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Empat (sambungan)

2. Transfigurasi Tuan Yesus ialah realisasi bagi apanya Dia.
3. Kingdom ialah penyinaran bagi realiti Tuan Yesus; berada di bawah penyinarannya bererti berada dalam kingdom—Wahi 22:4-5.
4. Dalam zaman milenium, percayawan yang jayeng akan bersama dengan Kristus dalam kemuliaan kingdom yang terang: “ketika itu, orang adilbenar akan bersinar seperti matahari dalam kingdom Bapa mereka”—Mat. 13:43a dan nota kaki 1 dan 2.